



IKLAN JAWATAN KOSONG PERBADANAN TAMAN NEGERI PERAK (PTNPK)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan diberikan kepada anak kelahiran Perak yang berkelayakan serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat di Perbadanan Taman Negeri Perak bagi jawatan berikut:

PEMBANTU KHIDMAT AM / (GRED H1)

TARAF: Kontrak - *Contract of Service (CoS)*

BILANGAN: Dua (2) kekosongan – Perbadanan Taman Negeri Perak

GAJI (minimum – maksimum) : RM1,500.00 – RM4,680.00

Kenaikan Gaji Tahunan : RM100.00

*** Pemohon juga boleh diarahkan bertugas di mana-mana dalam apa juga keadaan seperti bertugas dan menetap dalam persekitaran hutan serta berjauhan dengan keluarga terdekat.

RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

1. Pengurusan Dokumen dan Operasi Pejabat

- **Penyampaian Dokumen:** Bertanggungjawab menghantar dan mengutip surat, dokumen, saman, atau notis secara cekap.
- **Pengendalian Mel:** Mengambil surat luaran dari peti surat (*pigeon hole*) dan menguruskan dokumen melalui mesin faks.
- **Sokongan Pentadbiran:** Membantu dalam urusan pengoperasian harian pejabat bagi memastikan pengurusan berjalan lancar.

2. Pemanduan dan Penyelenggaraan Kenderaan

- **Operasi Kenderaan:** Melaksanakan tugas pemanduan bagi pelbagai jenis kenderaan jabatan termasuk kenderaan darat dan motobot.
- **Penyelenggaraan:** Memastikan kenderaan sentiasa dalam keadaan baik mengikut peraturan yang ditetapkan.

3. Tugas Teknikal dan Kemahiran Khusus

- **Pengendalian Jentera:** Bertanggungjawab mengendalikan loji atau jentera statik mengikut peraturan semasa.
- **Tugas Penyelamat:** Bagi penempatan tertentu, PKA mungkin ditugaskan sebagai penyelamat yang memerlukan kebolehan berenang dan sijil pertolongan cemas.
- **Kemahiran Tambahan:** Melibatkan pengendalian enjin sangkut atau kren bagi mereka yang mempunyai sijil kompetensi berkaitan.

4. Pelbagai Tugas (Multitasking)

- **Sokongan Am:** Melaksanakan tugas-tugas am yang bersifat *hands-on* dan memerlukan keupayaan fizikal di dalam serta di luar bangunan.
- **Arahan Pentadbir:** Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua jabatan atau pentadbir dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan

SYARAT LANTIKAN & KELAYAKAN

a) Calon perlu mempunyai kelayakan seperti berikut:

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada gred H1 : RM 1,500.00);
- **Atau ii.** Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah Gred H1 : RM 1,500.00);
- **Atau iii.** Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,622.00);
- **iv.** Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gtrd H1 : RM 1,622.00);

- **Dan (v)** Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana – mana gabungan tugas seperti di perenggan 1 (b))
- b) Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan / Pengendalian Kren / Pengendalian Dandang / Tugas Menyelamat)
- (b) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan kebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan :
 - atau (ii) Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ;
 - atau (iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut / motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Malaysia; atau
 - (iv) bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim / Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim / dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan ;
 - atau (v) Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.
- c) Hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

LAIN-LAIN KELAYAKAN KHAS

- Lulus Ujian Kecergasan (sekiranya ada);
- Umur tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Pemohon mestilah bebas dari sebarang kes jenayah / dadah juvana;
- Taraf kesihatan - sihat, tidak cacat anggota badan, tidak pernah mengalami kecederaan serius seperti patah tulang / sakit jantung, tidak menghidap penyakit lelah dan tidak mempunyai penyakit kronik;
- Stamina tinggi dan fizikal yang fit.

CIRI-CIRI PERIBADI DAN KUALITI PEMOHON YANG DIPERLUKAN:

- Proaktif dan berinisiatif tinggi.
- Mampu bekerja secara berdikari dan dalam pasukan.
- Mempunyai integriti dan etika kerja yang tinggi.
- Bertanggungjawab, amanah, jujur, berdisiplin dan kerjasama;
- Menjaga kerahsiaan dan profesionalisme;
- Bersifat positif dan sentiasa berusaha;
- Ketahanan fizikal dan mental untuk tugas di lapangan;

CARA MEMOHON:

- Pemohon-pemohon hendaklah membuat permohonan melalui laman sesawang <https://digital.perak.my/perjawatan>
- Hanya permohonan yang dikemukakan dalam tempoh iklan sahaja akan diproses.
- Sebarang keterangan lanjut boleh dirujuk kepada:

Unit Pengurusan Sumber Manusia
Perbadanan Taman Negeri Perak
No. 28, 28A & 28B, Jalan Lang Indah A/1
Pusat Perniagaan Lang Indah
30010 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tarikh Tutup Permohonan Adalah Pada:

8 APRIL 2026 (RABU) JAM 11.59 malam